

# TRINOLONE TABLET

Triamcinolone (4mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Trinolone Tablet
2. Bagaimana Trinolone Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Trinolone Tablet
4. Cara menggunakan Trinolone Tablet
5. Semasa menggunakan Trinolone Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Trinolone Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Trinolone Tablet

Ia digunakan untuk malfungsi endokrin (hormon), penyakit reumatis (melibatkan otot, tendon, sendi dan tulang), penyakit kolagen, penyakit kulit, sklerosis berbilang menjadi lebih teruk (menjejaskan otak anda, saraf tunjang, dan saraf optik dalam mata anda), alahan, penyakit pernafasan, gangguan darah, penyakit kanser, keadaan bengkak dan penyakit gastrousus, tuberkulosis meningitis (jangkitan pada otak dan saraf tunjang dengan menyekat tulang belakang).

## Bagaimana Trinolone Tablet berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah triamcinolone, adalah flukokortikoid sintetik dan mempunyai kesan anti-radang, hormon dan metabolismik yang kuat. Triamcinolone digunakan terutamanya dengan kesan anti-radang yang kuat dalam gangguan kebanyakan sistem organ. Ia boleh membantu untuk menghasilkan glukosa dalam badan daripada sumber bukan karbohidrat dan meningkatkan pemecahan protein. Ia juga boleh menekan tindak balas imunisasi badan seseorang.

## Sebelum menggunakan Trinolone Tablet

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Trinolone Tablet jika:-

- anda mempunyai Hipersensitiviti kepada triamcinolone atau flucocorticoid atau manama bahan kandungan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.
- anda mempunyai jangkitan kulat sistemik.
- anda disuntik dengan vaksin virus hidup.

### - Sebelum menggunakan Trinolone Tablet

Beritahu doktor anda jika anda:-

- mempunyai penyakit berjangkit
- mempunyai jangkitan mata disebabkan oleh virus herpes simplex
- mempunyai penyakit batuk kering
- mempunyai hipotiroidisme (penyakit tiroid kurang aktif)
- sirosis (parut pada hati)
- ulser kolitis (ulser dan keradangan di dalam saluran penghadaman)

Orang yang menjalankan terapi kortikosteroid terdedah kepada tekanan yang luar biasa, peningkatan dos kortikosteroid cepat bertindak sebelum, semasa dan selepas keadaan tertekan diperlukan.

Kortikosteroid boleh menjelaskan ujian tertentu untuk jangkitan bakteria dan menghasilkan keputusan negatif palsu. Jika vaksin virus atau bakteria tidak aktif diberikan kepada orang yang menerima kortikosteroid, tindak balas antibodi darah yang dijangka mungkin tidak boleh diperolehi.

Masalah mental, keterujaan dan kegembiraan melampau, perubahan perasaan emosi yang tak dapat dijelaskan, perubahan personaliti serta kemurungan teruk mungkin terjadi apabila kortikosteroid digunakan.

Orang yang menjalankan terapi kortikosteroid dalam tempoh berpanjangan boleh menyebabkan simptom seperti demam, sakit otot dan sakit sendi serta kelesuan. Semasa terapi kortikosteroid yang berpanjangan anda akan menerima rawatan *chemoprophylaxis* (ubat untuk mencegah penyakit atau jangkitan).

### Mengandung dan penyusuan bayi

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi.

Doktor anda mungkin berbincang mengenai risiko / faedah mengambil Trinolone Tablet kerana masalah dalam manusia tidak didokumenkan serta ia dikesan dalam susu ibu.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubat yang tidak boleh diambil dengan Trinolone Tablet. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil seperti berikut:-

- Aspirin, rawatan untuk kesakitan dan keradangan

- Phenytoin dan phenobarbital, rawatan untuk sawan
- Ephedrine, ubat untuk asma
- Rifampicin, rawatan untuk jangkitan bakteria
- Coumarin anti-coagulants (rawatan untuk cairkan darah)
- Diuretic, sebagai tablet air

## Cara menggunakan Trinolone Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Trinolone Tablet dengan tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Jumlah yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda tetapkan.

### Dewasa

Kekurangan adrenokortikal (ketidakseimbangan hormone) 4mg hingga 12mg sehari sebagai dos tunggal atau dalam dos yang dibahagikan, bersama-sama dengan mineralcorticoid.

Kegunaan lain: 4mg hingga 48mg sehari sebagai dos tunggal atau dalam dos dibahagikan.

### Kanak-Kanak

Kekurangan adrenokortikal: 117mcg setiap kg berat badan atau 3.3mg bagi satu meter persegi permukaan badan sehari sebagai dos tunggal atau dalam dos dibahagikan, gabung dengan mineralocorticoid.

Kegunaan lain : 416mcg hingga 1.7mg per kg berat badan atau 12.5mg hingga 50mg bagi satu meter persegi permukaan badan sehari sebagai dos tunggal atau dalam dos dibahagikan.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan Trinolone Tablet apabila diperlukan dan mengikut preskripsi doktor.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk mengambil Trinolone Tablet dalam tempoh yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga itu untuk mengambil dos yang seterusnya dan abaikan dos yang terlepas. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

#### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

#### **Semasa menggunakan Trinolone Tablet**

##### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti doktor anda telah memberitahu anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Trinolone Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

##### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Trinolone Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan seperti anda.

##### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

#### **Kesan-sesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Trinolone Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan termasuk gangguan cecair dan elektrolit, kelemahan otot, osteoporosis (tulang rapuh), radang pankreas, sindrom cushing, terencat pertumbuhan pada kanak-kanak, haid tidak tetap, peningkatan tekanan dalam mata, gangguan penglihatan, manifestasi kencing manis, ulser perut mungkin dengan penembusan dan pendarahan, penyembuhan luka terjejas, sawan dan peningkatan tekanan di dalam otak dengan bengkak pada saraf mata.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada se-setengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers→Reporting*)

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Trinolone Tablet**

##### - Penyimpanan

Simpan pada suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.

##### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### - Rupa dan warna produk

Tablet bulat, dwicembung, kosong dan berwarna putih dengan ukiran 'SW' di satu permukaan.

##### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif  
Triamcinolone
- Bahan-bahan tidak aktif
  - Lactose
  - Maize Starch
  - Magnesium stearate

##### - Nombor MAL

MAL19921153A

#### **Pengilang**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman  
Perindustrian Tampoi Indah, 81200  
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman  
Perindustrian Tampoi Indah, 81200  
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

#### **Tarikh Kemaskini RiMUP**

31/12/2015

#### **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)291215/00514